

**KAJIAN PENILAIAN KURIKULUM PROGRAM PENGAJIAN BIDANG HOSPITALITI BAGI  
PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL DAN KATERING,  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Program Diploma Pengurusan Hotel dan Katering (DHK) ditawarkan di pengajian politeknik bagi memenuhi keperluan untuk memenuhi hasrat negara sebagai salah satu destinasi pelancongan. Program DHK ini juga menepati dan menyokong inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area*, NKEA) dalam kluster pendidikan yang mensasarkan pembangunan beberapa kelompok disiplin pengajian termasuklah Pelancongan dan Hospitaliti. Kajian ini dilakukan untuk menilai program DHK bagi memastikan kelestarian program yang ditawarkan di politeknik di samping dapat menilai keperluan program di industri. Kajian ini menggunakan Model Penilaian CIPP yang melibatkan empat elemen penilaian iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Kajian ini menggunakan populasi di empat politeknik yang menawarkan Program DHK dengan menggunakan rekabentuk kuantitatif. Kaedah persempalan dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*). Dalam kajian ini responden daripada pelajar 255 orang dan pensyarah 115 orang manakala untuk persampelan alumni dan majikan, kajian ini menggunakan kaedah rawak bertujuan yang terdiri daripada 32 majikan dan 36 orang alumni. Dapatan kajian ini menunjukkan responden memberikan interpretasi yang tinggi dalam penilaian konteks. Manakala dari aspek penilaian input pelajar dan alumni telah memberikan interpretasi yang tinggi namun dari perspektif pensyarah ianya telah memberikan interpretasi pada tahap yang sederhana. Daripada data yang telah dianalisis, kajian ini juga mendapati penilaian proses berada pada tahap interpretasi tinggi oleh semua responden manakala dalam penilaian produk pelajar, alumni dan majikan telah memberikan interpretasi yang tinggi namun dari perspektif pensyarah pula, ianya pada tahap interpretasi yang sederhana. Daripada kajian ini juga, didapati hubungan antara input dan produk dari perspektif pelajar dan pensyarah berada pada tahap sederhana manakala dari perspektif dari alumni pada tahap yang tinggi. Hubungan antara proses dengan produk kesemua responden memberikan interpretasi pada tahap yang sederhana. Kajian ini juga mendapati elemen input merupakan peramal yang terbesar terhadap elemen produk berbanding dengan elemen konteks dan proses. Kajian ini menunjukkan bahawa Program DHK yang ditawarkan oleh Politeknik masih relevan untuk ditawarkan di Politeknik selari dengan kehendak majikan dan tuntutan keperluan negara masa kini. Namun begitu dalam kajian ini mendapati kelengkapan bengkel dan makmal perlu dipertingkatkan di samping kemahiran para pensyarah pula, perlu juga diberikan perhatian bagi menjamin kelestarian politeknik dalam menawarkan Program DHK di persada pendidikan negara.